



DASAR PENAMAAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA (POLICY ON NOMENCLATURE OF MALAYSIAN HIGHER EDUCATION PROGRAMME)



Februari 2018

Dasar bagi menjelaskan norma asas penamaan sesuatu program pengajian untuk dipatuhi oleh pemberi pendidikan tinggi dalam menamakan program pengajian yang ditawarkan di institusi masing-masing.

KANDUNGAN

	m/s
1.0 Pengenalan	1
2.0 Prinsip Umum Penamaan Program Pengajian	2
3.0 Komponen Penamaan Program/Kelayakan	3
4.0 Kaedah Penamaan Program/Kelayakan	6

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Penamaan program pengajian penting untuk memberikan gambaran menyeluruh berkenaan tahap kelayakan dan bidang pengajian sesuatu program.
- 1.2 Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bertanggungjawab memastikan penamaan kelayakan akademik untuk sesuatu program pengajian yang ingin dianugerahkan adalah tepat, menggambarkan kandungan program serta selari dengan konteks akademik.
- 1.3 **Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia** ini bertujuan untuk menjelaskan prinsip asas penamaan sesuatu program pengajian yang mesti **DIPATUHI** oleh PPT dalam menamakan program pengajian yang ditawarkan di institusi masing-masing.
- 1.4 Dasar ini perlu dibaca bersama dengan Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum (terbitan Agensi Kelayakan Malaysia, MQA) dan Garis Panduan Penulisan Program Akademik (terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi, JPT).
- 1.5 Program-program yang ditawarkan oleh universiti kampus cawangan luar negara di Malaysia, program kerjasama serta program di bawah bidang kuasa badan profesional, badan persijilan dan kelayakan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah **TIDAK** tertakluk dengan dasar penamaan ini.

2.0 PRINSIP UMUM PENAMAAN PROGRAM PENGAJIAN

- 2.1 Penamaan program pengajian seharusnya mencerminkan kelayakan dengan tepat. Ia harus memberikan gambaran sebenar kurikulum yang akan diikuti pelajar. Penamaan program juga penting kerana ia memberi implikasi kepada pemahaman bakal majikan tentang pengetahuan dan kemahiran seorang graduan. Contohnya program yang dinamakan Sarjana Muda Sains Aktuari perlu mengandungi kurikulum bidang aktuari berserta kursus-kursus berkaitan bidang sains aktuari.
- 2.2 Sehubungan itu, penamaan program mesti bertunjangkan prinsip berikut:
- 2.2.1 mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), standard program, ketetapan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi serta badan profesional (mana yang berkenaan);
 - 2.2.2 melambangkan tahap kelayakan yang diperoleh dan berdasarkan tahap yang dinyatakan dalam MQF;
 - 2.2.3 ringkas dan bermakna; dan
 - 2.2.4 mencerminkan bidang pengajian.

3.0 KOMPONEN PENAMAAN PROGRAM/KELAYAKAN

- 3.1 Penamaan sesuatu program/kelayakan perlu dibina dari tiga komponen berikut:
- 3.1.1 Tahap Kelayakan (Qualification Level);
 - 3.1.2 Penunjuk Disiplin Umum (Broad Discipline Area); dan
 - 3.1.3 Penunjuk Bidang (Qualifier).
- 3.2 Penerangan bagi setiap komponen tersebut diberikan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: PENERANGAN MENGENAI KOMPONEN PENAMAAN PROGRAM PENGAJIAN

Perkara	Huraian
<p>Tahap Kelayakan (Qualification Level)</p>	<p>Tahap kelayakan merujuk kepada tahap program pengajian bagi sesuatu kelayakan akademik seperti yang dipetakan dalam MQF.</p> <p>Ciri-ciri tahap ini adalah berdasarkan penetapan dalam MQF seperti hasil pembelajaran, kredit bergraduasi, beban pembelajaran dan komposisi kemahiran.</p> <p>Contohnya tahap Diploma, Sarjana Muda, Kedoktoran dan lain-lain.</p>
<p>Penunjuk Disiplin Umum (Broad Discipline Area)</p>	<p>Menyatakan bidang umum sesuatu program pengajian.</p> <p>Nama bidang yang diguna pakai mestilah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) tidak menjurus kepada sebarang pengkhususan tetapi menyatakan di mana pengkhususan bidang tersebut boleh dikelompokkan (contohnya, pendidikan dan sastera); dan

Perkara	Huraian
	<p>ii) bidang yang lazim diguna pakai secara meluas sama ada di peringkat tempatan, antarabangsa mahupun profesional. Contohnya Sastera (Arts), Sains (Science), Kejuruteraan (Engineering), Pendidikan (Education), Perniagaan (Business), Undang-undang (Law) dan lain-lain.</p> <p>Nota: Penentuan penunjuk disiplin umum Sastera (Arts) atau Sains (Science) perlu berdasarkan:</p> <p>i. kandungan utama kurikulum program pengajian:</p> <p>a. Bagi disiplin umum Sastera, kandungan utama kurikulum haruslah terdiri daripada kursus-kursus sains sosial dan kemanusiaan. Contohnya bahasa, sastera, seni, muzik, sejarah, geografi, sosiologi, antropologi dan lain-lain.</p> <p>b. Bagi disiplin umum Sains, kandungan utama kurikulum haruslah terdiri daripada kursus-kursus sains, matematik/statistik dan teknikal. Contohnya, sains komputer, sains aktuari, kejururawatan, fizik, kimia, matematik, botani, zoologi dan lain-lain.</p> <p>ii. struktur program pengajian:</p> <p>a. Program pengajian tahap Sarjana secara mod campuran dan</p>

Perkara	Huraian
	penyelidikan sahaja boleh menggunakan penunjuk disiplin umum Sains bagi bidang pengajian selain bidang Sains.
<p style="text-align: center;">Penunjuk Bidang(Qualifier)</p>	<p>Penyataan tentang bidang utama sesuatu program.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sarjana Muda Ekonomi / <i>Bachelor in Economics</i> ii. Sarjana Muda Kejururawatan / <i>Bachelor in Nursing</i> iii. Sarjana Muda Sains Komputer / <i>Bachelor in Computer Science</i>.

- 3.3 Senat PPT dipertanggungjawabkan dalam memastikan ketepatan penunjuk disiplin umum dan penunjuk bidang yang bersesuaian.

4.0 KAEDAH PENAMAAN PROGRAM/KELAYAKAN

4.1 **Kaedah susunan komponen penamaan** program/kelayakan bagi setiap tahap lazimnya adalah seperti turutan berikut:

4.1.1 **tahap kelayakan;**

4.1.2 kata depan (preposition) **of**;

4.1.3 **penunjuk disiplin umum (broad discipline area);**

4.1.4 kata depan (preposition) **in (dalam)**; dan

4.1.5 **penunjuk bidang (Qualifier)**

Jadual 2 menunjukkan susunan komponen penamaan mengikut tahap program berserta contohnya.

JADUAL 2: SUSUNAN KOMPONEN PENAMAAN MENGIKUT TAHAP PROGRAM

Program	Tahap Kelayakan	Kata Depan 'of'	Penunjuk Disiplin Umum	Kata Depan 'in'	Penunjuk Disiplin Bidang	Contoh Penamaan
Sijil	√	-	-	√	√	Sijil Seni Kulinari/ <i>Certificate in Culinary Arts</i>
Diploma	√	-	-	√	√	Diploma Fisioterapi/ <i>Diploma in Physiotherapy</i>
Sarjana Muda (Pilihan 1)	√	√	√	√	√	Sarjana Muda Sastera dalam Pemasaran Media/ <i>Bachelor of Arts in Media</i>

Program	Tahap Kelayakan	Kata Depan 'of'	Penunjuk Disiplin Umum	Kata Depan 'in'	Penunjuk Disiplin Bidang	Contoh Penamaan
						<i>Marketing</i>
Sarjana Muda (Pilihan 2)	√	-	-	√	√	Sarjana Muda Sains Aktuari/ <i>Bachelor in Actuarial Science</i>
Sarjana dan Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Mod Campuran (Pilihan 1)	√	√	√	√	√	Sarjana Sains dalam Pengurusan Penjagaan Kesihatan/ <i>Master of Science in Healthcare Management</i> Doktor Pentadbiran Perniagaan dalam Pemasaran/ <i>Doctor of Business Administration in Marketing</i>
Sarjana dan Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Mod Campuran (Pilihan 2)	√	-	-	√	√	Sarjana Dakwah/ <i>Master in Da'wah</i> Doktor Kejuruteraan/ <i>Doctor in Engineering</i>

Program	Tahap Kelayakan	Kata Depan 'of'	Penunjuk Disiplin Umum	Kata Depan 'in'	Penunjuk Disiplin Bidang	Contoh Penamaan
Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan (Pilihan 1)	√	√	√	√	√	Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Perisian/ <i>Master of Science in Software Engineering</i>
Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan (Pilihan 2)	√	√	√	-	-	Doktor Falsafah/ <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>

4.2 Bagi penamaan program dalam Bahasa Melayu, penggunaan kata depan 'dalam' boleh digugurkan mengikut norma penamaan sesuatu program. Contohnya, Sarjana Muda Pertanian / *Bachelor in Agriculture* berbanding Sarjana Muda dalam Pertanian.

4.3 **Butiran kaedah penamaan** program bagi setiap tahap kelayakan pula dinyatakan dalam Jadual 3.

JADUAL 3: KETETAPAN KAEDAH PENAMAAN BAGI SETIAP TAHAP KELAYAKAN

Kelayakan	Ketetapan Penamaan	Contoh
Sijil	<p>PPT perlu menamakan program dengan menyatakan tahap kelayakan dan diikuti oleh penunjuk bidang.</p> <p>Hanya penunjuk bidang digunakan kerana kandungan kurikulum Sijil adalah asas dan mengkhusus. Oleh yang demikian, penamaan dengan pengkhususan tidak dibenarkan¹.</p>	<p>Sijil Pengaturcaraan Komputer / <i>Certificate in Computer Programming</i></p> <p>Sijil Perniagaan / <i>Certificate in Business</i></p>
Diploma	<p>PPT perlu menamakan program dengan menyatakan tahap kelayakan dan diikuti oleh penunjuk bidang.</p> <p>Hanya penunjuk bidang digunakan kerana kandungan kurikulum Diploma adalah asas dan mengkhusus. Oleh yang demikian, penamaan dengan pengkhususan tidak dibenarkan².</p>	<p>Diploma Pemasaran / <i>Diploma in Marketing</i></p> <p>Diploma Pengurusan Pejabat / <i>Diploma in Office Management</i></p>
Sarjana Muda	<p>PPT perlu menyatakan tahap kelayakan program.</p>	

¹ Lembaga Akreditasi Negara. (2002). *Garis Panduan Sistem Penamaan (Nomenclature) Kelayakan Akademik*. Petaling Jaya, Malaysia.

² Lembaga Akreditasi Negara. (2002). *Garis Panduan Sistem Penamaan (Nomenclature) Kelayakan Akademik*. Petaling Jaya, Malaysia.

Kelayakan	Ketetapan Penamaan	Contoh
	<p>Bagi penunjuk disiplin umum dan bidang, PPT boleh membuat pilihan sama ada menggunakan:</p>	
	<p>a. kedua-dua penunjuk disiplin dan penunjuk bidang; atau</p>	<p>Sarjana Muda Sastera dalam Perakaunan / <i>Bachelor of Arts in Accounting</i></p> <p>Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Kejuruteraan Elektrik / <i>Bachelor of Engineering in Electrical Engineering</i></p>
	<p>b. penunjuk bidang sahaja.</p> <p>Penamaan bidang hendaklah mengikut kesesuaian disiplin pengajian.</p>	<p>Sarjana Muda Pengajian Warisan / <i>Bachelor in Heritage Studies</i></p> <p>Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang / <i>Bachelor in Shariah and Law</i></p>
<p>Sarjana dan Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Mod Campuran</p>	<p>PPT perlu menyatakan tahap kelayakan program.</p> <p>Bagi penunjuk disiplin umum dan bidang, PPT boleh membuat pilihan sama ada menggunakan:</p>	
	<p>a. kedua-dua penunjuk disiplin dan penunjuk bidang; atau</p>	<p>Sarjana Sains dalam Bioteknologi Alam Sekitar / <i>Master of Science in Environmental</i></p>

Kelayakan	Ketetapan Penamaan	Contoh
		<p><i>Biotechnology</i></p> <p>Doktor Seni Muzik dalam Pendidikan Muzik / <i>Doctor of Musical Arts in Music Education</i></p>
	<p>b. penunjuk bidang sahaja.</p>	<p>Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak / <i>Master in Early Childhood Education</i></p> <p>Doktor Kejuruteraan Awam / <i>Doctor in Civil Engineering</i></p>
<p>Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan</p>	<p>PPT perlu menyatakan tahap kelayakan program.</p> <p>Bagi penunjuk disiplin umum dan bidang, PPT boleh membuat pilihan sama ada menggunakan:</p>	
	<p>a. kedua-dua penunjuk disiplin dan penunjuk bidang; atau</p>	<p>Sarjana Sains Kimia / <i>Master of Science in Chemistry</i></p> <p>Doktor Falsafah dalam Komunikasi Massa / <i>Doctor of Philosophy in Mass Communication</i></p>
	<p>b. penunjuk disiplin umum sahaja.</p> <p>Nota: Penunjuk bidang / bidang penyelidikan mesti dinyatakan dalam transkrip akademik.</p>	<p>Sarjana Sains Sosial / <i>Master of Social Science</i></p> <p>Doktor Kejuruteraan / <i>Doctor of Engineering</i></p>

Kelayakan	Ketetapan Penamaan	Contoh
Sarjana secara Mod Campuran dan Penyelidikan	Bagi kelayakan Sarjana tersebut, penggunaan disiplin umum Sains dibolehkan bagi bidang selain Sains kerana ianya menggambarkan komponen penyelidikan.	Sarjana Sains Pengurusan Risiko / <i>Master of Science in Risk Management</i>
Kedoktoran secara Penyelidikan	Bagi kelayakan Kedoktoran tersebut, penamaan yang tidak mempunyai penunjuk disiplin umum dan bidang tetapi lazim diguna pakai adalah diterima.	Doktor Falsafah / <i>Doctor of Philosophy</i> Sarjana Falsafah / <i>Master of Philosophy</i>

4.4 Penetapan penamaan bagi program yang mempunyai struktur tertentu adalah seperti dalam Jadual 4.

JADUAL 4: KAEDAH PENAMAAN PROGRAM BERDASARKAN STRUKTUR PROGRAM

Struktur program	Huraian
Major dengan Pengkhususan (Major with Specialisation)	<p>Program yang mempunyai bidang pengkhususan tertentu yang meliputi 25-30%* pengetahuan dalam sesuatu bidang utama** program.</p> <p>Bidang pengkhususan ini dinyatakan dalam kurungan³.</p> <p>Bagi program tahap Sijil dan Diploma, struktur program dengan pengkhususan tidak dibenarkan, maka penamaan sedemikian tidak boleh diterima pakai⁴.</p> <p>Contohnya Sarjana Muda Sains Komputer</p>

³ Agensi Kelayakan Malaysia. (2007). *Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)*. Petaling Jaya, Malaysia.

⁴ Lembaga Akreditasi Negara. (2002). *Garis Panduan Kriteria dan Standard Kursus Pengajian IPTS*. Petaling Jaya, Malaysia.

Struktur program	Huraian
	(Pengaturcaraan) / <i>Bachelor of Computer Science (Programming)</i> .
<p>Major - Minor</p>	<p>Program yang mempunyai bidang pengajian minor yang merangkumi 25-30%* pengetahuan dalam bidang pengajian lain daripada bidang utama**.</p> <p>Penamaan program jenis ini menggunakan kata hubung 'dengan' (with)⁵ antara bidang utama dan bidang pengajian lain.</p> <p>Bagi program tahap Sijil dan Diploma, struktur program dengan minor tidak dibenarkan, maka penamaan sedemikian tidak boleh diterima pakai⁶.</p> <p>Contohnya Sarjana Muda Ekonomi dengan Matematik / <i>Bachelor in Economics with Mathematics</i>.</p>
<p>Dwimajor (Double Major)</p>	<p>Program yang mempunyai disiplin umum yang sama dalam dua bidang berbeza dengan peratus pengetahuan setiap bidang sebanyak 50%* daripada kandungan teras program.</p> <p>Penamaan program menggunakan kata hubung 'dan' (and) antara bidang⁷.</p> <p>Contohnya Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan / <i>Bachelor in Human Resource Management and Finance</i>.</p> <p>Program dwimajor dibenarkan pada tahap Sarjana Muda.</p> <p>Bagi program tahap Sijil dan Diploma, struktur program dwimajor tidak dibenarkan, maka penamaan sedemikian tidak boleh diterima pakai.</p>

⁵ Agensi Kelayakan Malaysia. (2007). *Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)*. Petaling Jaya, Malaysia.

⁶ Lembaga Akreditasi Negara. (2002). *Garis Panduan Kriteria dan Standard Kursus Pengajian IPTS*. Petaling Jaya, Malaysia.

⁷ Agensi Kelayakan Malaysia. (2007). *Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)*. Petaling Jaya, Malaysia.

Struktur program	Huraian
	<p>Walau bagaimanapun, penamaan program yang bidangnya berkait rapat seperti Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik / <i>Diploma in Electrical and Electronics Engineering</i> serta Diploma Perbankan dan Kewangan / <i>Diploma in Banking and Finance</i> adalah dibenarkan⁸.</p>
<p>* Pengiraan peratusan major, pengkhususan dan minor adalah berdasarkan jam kredit. ** Bidang utama merujuk kepada bidang teras program.</p>	
<p>Nota:</p> <p>i. Sekiranya peratusan suatu bidang pengetahuan tidak mencapai 25% daripada bidang utama program, bidang ini tidak dinyatakan sebagai pengkhususan pada penamaan program sebaliknya hanya dinyatakan dalam transkrip.</p> <p>ii. Bagi program yang berbeza daripada struktur biasa seperti dinyatakan, penamaan program tersebut hanya boleh ditentukan selepas penelitian terhadap struktur program dilakukan oleh pihak MQA.</p>	

⁸ Lembaga Akreditasi Negara. (2002). *Garis Panduan Sistem Penamaan (Nomenclature) Kelayakan Akademik*. Petaling Jaya, Malaysia.